

11/12/1999

Empat timbalan menteri tidak dilantik semula

PUTRAJAYA, Jumaat - Empat timbalan menteri tidak dilantik semula tetapi barisan Kabinet 1999 yang diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, menyaksikan 19 muka baru untuk jawatan timbalan menteri.

Antara kejutan ialah pelantikan bekas Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan. Sebelum ini, beliau disebut-sebut akan dilantik sebagai menteri penuh.

Empat timbalan menteri yang digugurkan ialah Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan (Pertahanan), Datuk Loke Yuen Yow (Belia dan Sukan), Datuk Railey Jeffrey (Kerja Raya) dan Datuk Peter Tinggom (Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat).

Lima timbalan menteri dinaikkan pangkat menjadi menteri penuh ialah Datuk Nazri Abdul Aziz (Pembangunan Usahawan), Datuk Hishammuddin Tun Hussein (Belia dan Sukan), Datuk Azmi Khalid (Pembangunan Luar Bandar), Datuk Dr Fong Chan Onn (Pembangunan Masyarakat) dan Datuk Ong Ka Ting (Perumahan dan Kerajaan Tempatan).

Tujuh belas muka baru menyandang jawatan timbalan menteri ialah Datuk Shahrizat Abdul Jalil, Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, Datuk Zainal Abidin Zin, Datuk Chor Chee Heung, Mohamed Khaled Nordin, Datuk Anifah Aman, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, Datuk Tan Chai Ho, Datuk Zainal Dahalan, Dr Tan Kee Kwong, Dr Tiki Lafe, Datuk Dr Ng Yen Yen, Dr Abdul Latiff Ahmad, Datuk G Palanivel, Datuk Ong Tee Keat, Datuk Mohd Shariff Omar, Senator Datuk Abdul Aziz Samsuddin dan Hon Choon Kim.

Sebelum ini, 11 jawatan timbalan menteri kosong termasuk empat yang tewas dalam pilihan raya kali ini iaitu Datuk Ibrahim Ali (Jabatan Perdana Menteri), Datuk Dr Ibrahim Saad (Kementerian Pengangkutan), Datuk Abu Bakar Daud (Kementerian, Sains, Teknologi dan Alam Sekitar) dan Datuk Dr Tengku Mahmud Mansor (Pertanian).

Empat yang lain tidak bertanding iaitu Datuk Wong See Wah (Kementerian Kewangan), Datuk Dr Affifuddin Omar (Kementerian Sumber Manusia), Dr Goh Cheng Teik (Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi) dan Datuk Teng Gaik Kwan (Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan).

(END)